

 **SUBANG JAYA :** Wang kertas siri baru, termasuk RM 20 yang diperkenalkan semula dengan ciri keselamatan lebih canggih mula digunakan mulai 16 Julai 2012. Wang kertas siri baru RM 1, RM 5, RM 10, RM 20 dan RM 100 itu berciri corak budaya, warisan serta keindahan semula jadi bagi mengetengahkan identiti Malaysia.

Mengikut kenyataan Bank Negara Malaysia, semua wang kertas baru itu direka menggunakan teknologi terkini, termasuk imej tanda baying, tingkap pandang telus, potret tera air dengan piksel serta angka. Golongan cacat penglihatan boleh menggunakan ciri khusus khas yang direka bagi memudahkan mereka mengenalpasti dan membezakan setiap wang kertas melalui sentuhan. Bank Negara mengingatkan semua pihak berkaitan supaya mempercepatkan pengubahsuaian mesin mereka agar dapat menerima wang kertas siri baru bagi memudahkan urusan niaga orang ramai.

Info

Wang kertas Baru

- RM 1 bercirikan Wau Bulan
- RM 5 bercirikan Burung Enggang Badak
- RM 10 bunga Rafflesia
- RM 20 bercirikan Penyu Karah dan Penyu Belimbing.
- RM 100 bercirikan Gunung Kinabalu, Sabah dan Lembah Gunung Api, Sarawak.

Ciri Keselamatan

- Imej tanda Bayang
- Tingkap pandang telus
- Potret tera air
- Benang keselamatan dengan warna berubah-ubah
- Benang kanta mikro
- Tanda pandang telus
- Petak kilat berwarna

Sumber : Berita Harian, 17/7/2012